

## Benarkah Facebook boleh dihack?

Memang tak dinafikan ramai yang buat carian dengan kata kunci 'bagaimana cara hack facebook' ni. Anda boleh cuba membuat carian di Google, banyak cara-cara mudah untuk hack facebook akan keluar, banyak juga software-software yang dikongsikan untuk hack facebook yang diberikan 'percuma'.


Mungkin ada segelintir pengguna yang agak terdesak untuk hack akaun facebook seseorang akan memuat-turun software tersebut yang kononnya dapat hack atau menggodam akaun facebook sesuatu akaun. Tapi **AWAS!** sebenarnya akaun anda sendiri yang akan



di'hack' sebenarnya. Kebanyakan software-software tersebut akan meminta anda untuk memasukkan email dan kata laluan akaun facebook anda sendiri untuk mengakses sistem untuk hack akaun facebook orang lain kononnya. Dengan memasukkan email dan kata laluan tersebut, dengan mudah hacker atau penggadam itu untuk dapat hack akaun facebook milik anda sebenarnya. Berhati-hatilah ye. Jangan sampai menjadi mangsa. Tiada **cara mudah untuk hack facebook** yang dikongsikan percuma di internet. Semuanya ada kepentingan sendiri.

## Screen monitor laptop /netbook anda tiba tiba menjadi terbalik

Banyak cara nak betulkan screen monitor yang terbalik. Berikut cara menyelesaikan masalah bagi Window 7.



Cara Pertama  
Yang paling mudah pergi kat desktop. Lepas tu ikut shortcut bawah ni.

**CTRL+ALT+UP Normal**  
**CTRL+ALT+LEFT 90 Degree**  
**CTRL+ALT+DOWN 180 Degree**  
**CTRL+ALT+RIGHT 270 Degree**  
Cara Kedua  
**Right Klik > Properties > Graphics Option > Graphic Properties > option 'rotation' > Adjust mengikut keperluan**  
**Atau**  
**Right Klik (kat desktop) > Graphic Properties > Rotation > Adjust mengikut keperluan**  
**Atau**  
**Right Klik (kat desktop) > Graphic Properties > Display Settings > Rotation > Adjust mengikut keperluan**

## Tanda-tanda Motherboard Laptop Anda Rosak Dan Cara Atasinya

Sebut saja apa kerosakan ianya boleh di baiki tetapi jika motherboard laptop anda rosak kosnya sangat tinggi dan tak berbaloi bagi membaikinya. Jadi sebelum ini terjadi ambillah langkah awal mengatasinya



### Jangan buat perkara ini:

1. Jangan biarkan komputer anda panas melampau atau overheat terutama bagi laptop yang berprosesor AMD.
2. Jangan biarkan komputer anda ON berterusan tanpa menutupnya 24 jam kerana kegagalan kipas prosesor berfungsi akan membuat motherboard laptop anda terbakar.
3. Jangan tumpahkan sebarang air di atas laptop anda terutama air yang berbancuh seperti kopi milo atau teh. kerana ia akan mengakibatkan kegagalan motherboard anda.
4. Jangan letak laptop anda di atas tilam atau bantal kerana ia akan menambah

kepanasan komputer anda.

5. Jangan on kan laptop anda di tempat berhabuk kerana proses penyejukan laptop anda akan menyedut udara dari luar ke dalam dan pasti membawa habuk melekat pada kipas dan hitsink laptop anda.

### Bagaimana nak tahu motherboard komputer anda sudah rosak.

1. Tak boleh on terus
2. Boleh on tetapi tiada apa apa keluar pada skrin walaupun pada skrin luaran
3. Ada tanda berkelip pada kekunci capslock komputer anda tapi tiada sebarang paparan skrin keluar



Asas pada tujuan untuk mengelakan kepanasan melampau pada laptop anda ialah **GUNAKAN KIPAS LUARAN YANG DI LETAK DI BAWAH LAPTOP ANDA**

## 10 Virus Yang Mengakibatkan Kerugian Besar

### MYDOOM – Kerugian RM 124 billion

Virus mengintip ini telah berjaya memecahkan beberapa jenis rekod dunia, tetapi pencapaiannya yang paling menonjol adalah ianya paling pantas dan paling meluas merebak dalam sejarah penyebaran virus sedunia. Pada tahun 2004, ia telah menyebabkan pengurangan kelajuan trafik internet di seluruh dunia sebanyak 10 peratus walaupun ia diprogramkan dengan jangka hayat selama 12 hari. Ketika saat kegemilangannya, setiap 1 daripada 12 email di seluruh dunia telah dijangki virus 'mydoom' ini.



### BLASTER – Kerugian RM 105 billion

Virus ini telah menyerang ribuan komputer melalui 'backdoor' serta merebak dengan mengeksploitasikan 'buffer overflow' yang terdapat pada sistem operasi keluaran Microsoft. Ia diprogramkan untuk membuat [SYN flood](#) pada port 80 windowsupdate.com lantas membuatkan server Windows Update menjadi overflow.

### CONFICKER – Kerugian RM 28 billion

Virus ini disebarkan dengan menanam pepijat (bug) di dalam fail dan printer release dari Windows dan menghubungkan-kaitkan dengan password-protected release, justeru ia seterusnya

menyhalang sebarang akses dari pengguna. Namun begitu, virus ini tidak mempunyai rutin yang merosakkan. Menjelang awal 2009, lebih dari 50 juta buah komputer dari seluruh dunia telah dijangkiti dengan virus ini.

### ILOVEYOU – Kerugian RM 27 billion

Banyak pihak mendakwa seorang rakyat Filipina, Onel de Guzman bertanggungjawab terhadap virus tahun 2000 yang disebarkan melalui email ini. Bagaimanapun, segala pertuduhan beliau digugurkan

oleh kerana pada masa itu, di Filipina tiada sebarang undang-undang yang boleh digunakan untuk mendakwa jenayah siber. Virus ini berfungsi dengan menghapuskan fail-fail tertentu.

**SASSER – Kerugian RM 11 billion**  
Malware ini telah menyebabkan PC-PC menjadi lumpuh pada tahun 2004 dengan menggunakan ralat yang terhasil daripada sistem servis Windows LSASS di mana seterusnya ia akan mematikan komputer. Selepas pihak Microsoft menawarkan ganjaran sebanyak \$250,000 (RM 794,962), mereka telah menemui petualangnya. Sven Jaschan, pelajar sains komputer dari Rotenburg telah dijatuhi hukuman 21 bulan dalam perhatian pihak berkuasa.

### CODE RED – Kerugian RM 8.3 billion

Pada tahun 2001, virus jenis cecacing ini mengawal komputer-komputer yang diceroboh menggunakan buffer overflow untuk melancarkan serangan DDoS pada laman web White House. Kod sumber virus Code Red ini dikesan datangnya dari Filipina.



### SOBIG.F – Kerugian RM 7.9 billion

Botnet ini adalah versi keenam bagi keluarga virus yang wujud semenjak tahun 2003. Versi terbaru ini menjadi sangat efektif, dimana ia mampu menghantar dirinya sendiri melalui email di dalam sesebuah sistem. Ia akan mencari alamat melalui akaun email pengguna yang dijangkiti. Selain itu, ia mampu memasang server email secara automatik melalui penghantarnya.

### SQL Slammer – Kerugian RM 3.8 billion

Pada tahun 2003, virus ini telah mengakses komputer-komputer yang di-

pasangkan server SQL dan seterusnya telah menyebabkan mesin-mesin ATM di seluruh Amerika Syarikat tergendala. Separuh daripada keseluruhan nod-nod telah dijangkiti dalam tempoh masa 15 minit. Paling menakutkan apabila virus ini turut menyerang loji janakuasa nuklear.

### MELISSA – Kerugian RM 3.5 billion

Pada tahun 1999, virus yang menggunakan macro di dalam perisian Office akan menghantar dirinya sendiri kepada 50 kontak yang pertama di dalam address book mangsa lantas membuatkan server di dalam sistem yang dijangkiti menjadi overload. David L. Smith, rakyat Amerika yang dijatuhkan pertuduhan atas kesalahan jenayah tersebut dikenakan hukuman penjara 20 bulan dan denda \$5,000 (RM16,000). Menurut kenyataan dari Encik Smith, nama Melissa diambil sempena seorang penari bogel kegemaran beliau.

### NIMDA – Kerugian RM 1.8 billion

Virus backdoor ini menyerang sejarus tidak lama selepas serangan 11 September 2001 lalu membuatkan ramai yang mendakwa ia berkaitan dengan serangan dari Al-Qaeda. Bagaimanapun, F-Secure telah menemui teks yang bertulis: "Concept Virus (CV) V.5, Copyright ©2001 R.P. China" di dalam kod sumbernya. Menurut Peter Tippett, pencipta Norton Antivirus adalah antivirus yang paling luas tersebar pada zamannya.